



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage



EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

PENGEMBARAAN AKUASKAP: PELAJAR UiTM MUKAH BAWA MURID SK MUKAH TEROKA ILMU AKUASKAP DAN VIVARIUM

Penulis: Norliza Gerunsin

Seramai 30 orang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Mukah telah berpeluang menyertai satu program pendidikan Akuakultur Sains menerusi Projek SULAM: Pengembaraan Akuaskap Dalam Mencipta Vivarium Ikan Hiasan. Program ini merupakan salah satu inisiatif pelajar Diploma Teknologi Akuakultur, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di bawah aktiviti pembelajaran berasaskan komuniti *Service Learning Malaysia – University for Society* (SULAM). Empat puluh (40) orang pelajar Diploma Teknologi Akuakultur telah terlibat secara aktif sebagai fasilitator semasa sesi latihan dalam kumpulan.



Ketua Projek, Puan Norliza Gerunsin memberikan ucapan semasa Majlis Penutupan

Program yang berlangsung pada 21 Jun 2025 di Dewan Terbuka SK Mukah ini turut mendapat kerjasama Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, serta sokongan padu daripada pihak sekolah. Menurut Ketua Projek, Puan Norliza Gerunsin, objektif utama program adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan ekosistem akuatik dan pemuliharaan alam sekitar, di samping memperkasakan pelajar universiti dalam aspek komunikasi, kepimpinan serta pemindahan ilmu.

Program sehari itu dimulakan dengan sesi pengenalan teori berkenaan akuaskap dan vivarium, sebelum para peserta dibimbing secara praktikal untuk menghasilkan akuaskap mini mereka sendiri. Aktiviti diakhiri dengan pertandingan hiasan akuaskap terbaik yang menyaksikan hasil kreativiti para peserta dipamerkan.

Penolong Kanan Pendidikan Khas SK Mukah, Puan Angela Bujang menyatakan rasa terima kasih atas inisiatif UiTM Mukah dalam menganjurkan program sebegini yang bukan sahaja menarik minat pelajar dalam bidang sains alam sekitar, tetapi turut memberi pendedahan awal kepada dunia akuakultur.

Bagi pelajar universiti yang terlibat, program ini menjadi platform berharga untuk mereka melatih diri dalam kemahiran pengurusan program, pengajaran, serta kemahiran interpersonal bersama komuniti. Projek SULAM ini dilihat sebagai model pembelajaran berasaskan komuniti yang efektif dan berpotensi untuk diteruskan secara berkala dalam usaha memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti setempat.



Ucapan daripada Penolong Kanan Pendidikan Khas SK Mukah, Puan Angela Bujang



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7729 7625 7009